

**NO. SOALAN: 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8389**

**SOALAN:**

Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana wujudnya dua kawasan perkuburan yang dipercayai mengandungi mayat mangsa pelarian serta mangsa aktiviti pemerdagangan manusia serta semua langkah-langkah bersekutu yang telah diambil dan yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk menangani isu pemerdagangan manusia memandangkan Malaysia telah menandatangani dan telah meratifikasi *United Nations Convention against Transnational Organized Crime (UNTOC)*.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Penemuan khemah-khemah sementara yang dibina oleh sindiket-sindiket di dalam hutan di sempadan Malaysia dengan Thailand merupakan tempat yang diistilahkan sebagai “Safe Haven” untuk memindahkan sementara pendatang-pendatang apabila pihak berkuasa Thailand membuat operasi di kawasan berkenaan. Setelah keadaan reda, pendatang berkenaan akan dipindah semula di penempatan kekal yang terletak di kawasan Thailand.**

**Secara keseluruhannya, daripada dua (2) operasi wawasan khas yang dijalankan, jumlah keseluruhan kem yang ditemui setakat ini adalah 29 kem penempatan dan 159 struktur dipercayai kubur telah ditemui di Wang Kelian, Padang Besar, Perlis. Daripada 159 struktur kubur, sebanyak 125 rangka mayat telah ditemui di dalam kubur dan lima (5) rangka mayat ditemui di luar kubur. Jumlah keseluruhan rangka mayat yang berjaya ditemui berjumlah 130 rangka. Dari jumlah tersebut, sejumlah 119 rangka telah dilaksanakan *post mortem* dan telah dikebumikan semula. Manakala baki 11 rangka mayat masih berada di hospital untuk menunggu laporan *post mortem* sebelum dikebumikan.**

**Pihak Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan bagi menangani isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di Negara ini. Antara langkah signifikan yang telah diambil adalah:**

**Melaksanakan Pindaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007.** Pindaan kepada ATIPSOM 2007 adalah bagi memperkasakan perundangan sedia ada yang antaranya melibatkan peruntukan mengenai penglibatan lebih aktif NGO dan petugas NGO bagi aspek perlindungan dan penjagaan mangsa, pemberian pampasan kepada mangsa pemerdagangan orang dan kebenaran untuk mangsa bergerak bebas dan bekerja dalam Negara dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan termasuk dokumen perjalanan yang sah.

**Selain itu, dengan mengambilkira cabaran semasa yang memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan dalam menangani jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran ini, pindaan ATIPSOM 2007 turut merangkumi elemen penambahan anggota baru dalam Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) serta penubuhan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi MAPO (*High Level Committee*) yang dianggotai oleh oleh Menteri-Menteri di mana Kementerian mereka adalah merupakan anggota kepada MAPO.**

**Memuktamadkan dan menandatangani Konvensyen ASEAN Mengenai Pemerdagangan Orang (ACTIP) & Pelan ASEAN bagi menangani Pemerdagangan Orang (APA). Kedua-dua dokumen ini merupakan istrumen serantau yang mana pelaksanaan kedua-dua istrumen tersebut kelak diharap akan menjadi platform kerjasama serantau dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan orang di rantau Asia Tenggara.**

**Selain itu, Kerajaan juga dari semasa ke semasa mengadakan pelbagai program bagi meningkatkan tahap bina upaya anggota penguatkuasaan, pegawai pendakwaraya dan pegawai pelindung mengenai pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Operasi bersepadu dikalangan agensi penguatkuasa juga dirancang bagi menangani isu ini.**

**Daripada sudut kerjasama antarabangsa, Kerajaan sentiasa memperkuatkukan hubungan erat dengan negara-negara serantau dan pertubuhan antarabangsa terutama dari aspek perkongsian maklumat.**